

# Kerajaan hanya terima bekas anggota PKM berasal dari Malaysia

KUALALUMPUR 9 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan, kerajaan hanya menerima kembali bekas-bekas anggota Parti Komunis Malaya (PKM) yang berasal daripada negara ini.

Beliau berkata, permohonan daripada mereka yang tidak mempunyai kaitan dengan Malaysia tidak akan dilayan oleh kerajaan.

Mengulas laporan seramai 13 orang bekas anggota PKM yang telah kembali ke negara ini pertengahan bulan lalu, Perdana Menteri menjelaskan, terdapat banyak lagi permohonan daripada bekas-bekas anggota PKM yang mahu kembali ke negara ini.

"Saya tidak pasti berapa ramai tetap kita akan membenarkan mereka pulang jika dilapati mereka tidak lagi mengancam keselamatan negara," kata beliau kepada para pemberita selepas me-

rasmikan pameran dan penyampaian hadiah pertandingan fotografi muhibah di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Ditanya tentang permohonan daripada bekas Setiausaha Agung PKM, Chin Peng, Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, Chin Peng turut termasuk dalam senarai mereka yang memohon, tetapi beliau tidak tahu setakat mana proses permohonannya pada masa ini.

Mengenai bekas-bekas pemimpin PKM yang lain, Perdana Menteri menjawab: "Saya tidak tahu kerana belum dapat maklumat daripada polis."

Dalam laporan akhbar hari ini, Pengarah Cawangan Khas, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Dato' ulkifli Abdul Rahman mengesahkan seramai 13 orang bekas PKM sudah kembali ke Malaysia pertengahan bulan lalu dan menjalani hidup sebagai rakyat biasa tanpa sebarang syarat.